



Headline: Rugi RM22,000 ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 11 May 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 38

Rugi RM22,000 ditipu Macau Scam

KUALA TERENGGANU

- Seorang juruteknik kerugian RM22,000 selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis, pada Sabtu lalu.

Menurut sumber, lelaki berusia 31 tahun dari Manir itu menerima panggilan telefon daripada individu tidak dikenali memperkenalkan diri dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perlis.

"Individu itu memberitahu mangsa terlibat kes langgar lari dan perlu hadir ke mahkamah di Perlis untuk perbincangan sebelum talian itu disambungkan kepada seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai 'Sarjan Zulkifli'.

"Seterusnya 'Sarjan Zulkifli' membuat pemeriksaan ke atas nombor Mykad mangsa sebelum mendakwa namanya terlibat dengan aktiviti jenayah iaitu pengubahan wang



ABDUL RAHIM

haram dan pengedaran dadah.

"Talian tersebut disambungkan kepada seorang wanita perkenalkan diri 'Inspektor Fazura' dari cawangan Jenayah Komersial sebelum memaklumkan kes melibatkan mangsa boleh ditanggungkan dan diikat jamin," katanya.

Sumber berkata, bagaimanapun sekiranya ingin berbuat demikian, mangsa perlu membuat pembayaran sebanyak RM25,000

dalam tempoh segera.

"Oleh kerana mangsa mahu menyelesaikan kes ini dengan cepat, mangsa terus membuat pembayaran RM19,000 ke dalam akaun bank diberikan pada hari sama.

"Keesokan harinya iaitu pada Ahad lalu, mangsa sekali lagi membuat transit sebanyak RM3,000 ke dalam akaun sama sebelum tersedar dirinya sudah ditipu," katanya.

Jelas sumber, mangsa terus membuat laporan polis pada hari sama (Ahad) untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Asisten Komisyoner Abdul Rahim Md Din ketika dihubungi mengesahkan ada menerima laporan kejadian.

Jelasnya, kes berkenaan kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.